

## AMALAN GURU TERHADAP PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PRANUMERASI DI TADIKA

Norshafinaz binti Abdul Sani<sup>1</sup>, Faridah binti Yunus<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Jabatan Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [faridahyunus@ukm.edu.my](mailto:faridahyunus@ukm.edu.my)

### Abstrak

Guru tadika di Malaysia mengamalkan pendekatan, kaedah, teknik dan alat bantu mengajar yang berbeza walaupun kurikulum diperingkat kebangsaan telah dibubar. Ini terjadi kerana panduan kurikulum dirujuk sebagai asas dan modul spesifik diaplikasikan mengikut pengurusan tadika. Kepelbagaian dalam perancangan, pelaksanaan dan penaksiran (PPP) tidak menimbulkan masalah sekiranya perkembangan pranuterasi kanak-kanak tidak terabai. Tujuan kajian adalah mengkaji amalan guru terhadap proses pengajaran dan pembelajaran pranuterasi di tadika berasaskan aspek PPP. Kajian ini menggunakan kajian tinjauan dengan mengedarkan soal selidik secara rawak mudah dan memperoleh 73 guru sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan tahap amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran pranuterasi di tadika di dalam aspek PPP pada tahap tinggi. Analisis ujian ANOVA dua hala menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara tahap amalan PPP pengajaran dan pembelajaran pranuterasi berdasarkan tempoh pengalaman mengajar dan tahap pendidikan. Seterusnya, ujian ANOVA dua hala turut menunjukkan bahawa terdapat interaksi yang signifikan antara tempoh pengalaman mengajar guru dengan tahap pendidikan guru ke atas amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pranuterasi di tadika. Kajian ini memberi gambaran terhadap senario semasa proses pengajaran dan pembelajaran pranuterasi di tadika. Kajian ini boleh dilanjutkan dengan menggunakan sampel yang berbeza dan fokus kepada faktor-faktor lain.

**Kata kunci:** Tahap, Amalan, Pengajaran, Pembelajaran, Guru

### Abstract

*Kindergartens' teachers in Malaysia practice different approaches, methods, techniques, and teaching aids even though the national level curriculum has been dissolved. This is because the curriculum guide is referred to as the basis and specific modules are applied according to kindergarten management. Diversity in planning, implementation and assessment (PLA) does not cause problems if the development of children's pre-numeracy is not neglected. The purpose of the study is to examine the teacher's practice on the process of teaching and learning of pre-numeration in kindergartens based on PLA aspects. This study uses surveys by distributing questionnaire randomly and obtaining 73 teachers as respondents. The results showed that the level of teacher practice in pre-numeracy teaching and learning in kindergartens in PLA aspect was high. The two-way ANOVA analysis showed that there was no difference between PLA practice and teaching pre-numeracy level based on the duration of teaching experience and education level. Furthermore, the two-way ANOVA test also showed that there was significant interaction between the duration of teaching experience and the level of teacher education on the planning practice, implementation and assessment of teaching and pre-schooling in kindergarten. This study illustrates the scenario during the pre-school teaching and learning process at kindergarten. This study can be extended by using different samples and focusing on other factors.*

*Keywords:* Levels, Practice, Teaching, Learning, Teacher

## 1.0 PENGENALAN

Guru-guru yang efektif membangunkan dan menggunakan ilmu mereka sebagai asas untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran terhadap kanak-kanak dan memberikan respon tentang keperluan

pranumerasi oleh setiap kanak-kanak bermula daripada perancangan, pelaksanaan dan seterusnya penaksiran. Pengajaran bermula daripada pemahaman guru tentang apa yang perlu diajar dan bagaimana pengajaran itu diajar. Oleh itu, aktiviti sebelum, semasa dan selepas pengajaran dan pembelajaran adalah penting untuk melihat mutu pengajaran guru. Perkara ini sedikit sebanyak membantu guru mencapai objektif pengajaran dan dapat melakukan refleksi seusai pembelajaran terhadap kanak-kanak berlaku.

Kebanyakan guru selesa menggunakan pendekatan kaedah tradisional di mana guru mengajar dan kemudiannya memberikan latihan, lembaran kerja atau buku kepada kanak-kanak. Hal ini demikian kerana, guru kurang menekankan konsep pranumerasi oleh kerana ingin mengejar silibus supaya dapat fokus kepada ujian atau peperiksaan dan mengukur tahap prestasi kanak-kanak berdasarkan strategi tersebut. Kajian lepas oleh Zamri, 2012 menyatakan bahawa kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pengajaran guru masih menggunakan kaedah tradisional. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran perlu menitikberatkan perkembangan holistik di mana perkembangan berlaku secara serentak dan berterusan bukan berorientasikan akademik semata-mata supaya dapat mengelakkan perkembangan kanak-kanak membesar dalam keadaan tekanan peperiksaan.

Penggunaan objek manipulatif tidak dititikberatkan walaupun penyelidikan telah menyimpulkan bahawa kanak-kanak dapat mempelajari pranumerasi melalui penyertaan dalam aktiviti harian dan terlibat dengan aktiviti yang berpusatkan kanak-kanak (Selmi, Gallagher & Mora-Flores, 2015). Hal ini demikian kerana, tadika pada masa kini hanya menekankan kanak-kanak untuk menyebut dan membaca nombor secara hafalan, menghafal fakta pranumerasi dan mengingat konsep pranumerasi (Effandi & Zanaton, 2007) sedangkan terdapat banyak lagi pendekatan lain yang melibatkan perkembangan menyeluruh kanak-kanak seperti permainan blok atau permainan manipulatif. Namun begitu, kanak-kanak hanya diberi masa bermain apabila mereka telah menyelesaikan latihan, lembaran kerja atau buku yang menunjukkan keupayaan mereka untuk berjaya dalam aktiviti yang diarahkan oleh guru yang biasanya melibatkan nombor. Oleh itu, sebagai guru, mereka perlu lebih kreatif dalam mewujudkan aktiviti sepanjang pengajaran dan pembelajaran pranumerasi dan bukan hanya fokus kepada lembaran kerja semata-mata.

Kebanyakan guru masih sukar dalam menentukan kaedah, strategi dan pelaksanaan pengajaran yang sesuai dalam pembelajaran pranumerasi (Abdul Razak & Nor Asmah, 2010). Hal ini demikian kerana, pengajaran dan pembelajaran pranumerasi perlu diajar mengikut proses dan memberikan peluang untuk mereka selesa akan proses-proses yang berkaitan dengan konsep pranumerasi (Copley, 2010). Menurut kajian Alkharusi et. al. (2012) dan Akyuz, Dixon & Stephan (2013), guru pranumerasi yang kreatif harus bijak dalam membuat perancangan dan pelaksanaan yang sistematik dalam segala tindakannya serta penaksiran yang bakal dilakukan setelah proses pengajaran selesai. Konsep pranumerasi perlu difahami dan dapat dihubungkan dengan perwakilan pranumerasi seperti konsep nombor, pola dan operasi matematik. Selepas itu, kanak-kanak diperkenalkan dengan aktiviti yang melibatkan bermain seperti bermain berstruktur, bermain tidak berstruktur, bebas dan melibatkan objek manipulatif. Setelah semua yang disebutkan tadi berlaku, barulah kanak-kanak diperkenalkan dengan kertas dan pensil, menggunakan lembaran kerja dan sebagainya. Secara ringkasnya, kanak-kanak perlu menjalani proses belajar yang walaupun sedikit, tetapi mendalam daripada percakapan, berpindah kepada penulisan.

Terdapat juga beberapa masalah yang melibatkan kanak-kanak di dalam pembelajaran pranumerasi iaitu tahap kefahaman kanak-kanak di dalam pembelajaran pranumerasi kurang memuaskan. Hal ini demikian kerana, kurangnya pemahaman dalam pranumerasi dan menyebabkan pembelajaran yang disampaikan tidak berkesan sekaligus menyukarkan kanak-kanak memahami konsep pranumerasi yang sebenar. Menurut kajian Zakiah Mohamad Ashari, et. al, 2013, satu modul belajar melalui bermain fokus dalam topik pengalaman pranombor telah dibina dan diaplikasikan supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran pranumerasi dapat dilaksanakan oleh guru secara terancang dan sistematik dan modul tersebut dapat meningkatkan tahap kefahaman pengalaman pranombor kanak-kanak. Namun begitu, kekurangan pengetahuan dan keyakinan diri dari segi kepercayaan dan konsep sendiri dalam diri seorang guru menyukarkan kanak-kanak membina pemahaman terhadap pranumerasi kerana permulaan pemahaman kanak-kanak terhadap pembelajaran pranumerasi adalah bermula daripada cara pengajaran guru itu sendiri. Oleh itu, dalam membina kefahaman kanak-kanak terhadap pembelajaran pranumerasi, guru terlebih dahulu perlu memahami konsep pranumerasi.

Konsep nombor merupakan salah satu kemahiran yang perlu dipelajari oleh kanak-kanak di tadika. Nombor memainkan peranan penting dalam menguasai pembelajaran pranumerasi. Namun begitu, kebanyakan kanak-kanak sukar menguasai konsep pranumerasi kerana segelintir guru tidak memahami asas pengajaran pranumerasi mengikut tahap perkembangan kanak-kanak itu sendiri (Rohani, et. al, 2004). Menurut kajian Nurul Amirah Mohd Razali, et. al, 2008, penubuhan satu sistem pembelajaran multimedia

bagi tajuk konsep nombor untuk kanak-kanak menggunakan pendekatan permainan yang menerapkan Teori Perkembangan Kognitif Bruner dapat meningkatkan tahap penguasaan pranonbor. Oleh itu, sistem-sistem atau aktiviti-aktiviti yang menarik perlu dibangunkan menggunakan konsep belajar sambil bermain supaya kanak-kanak dapat meneroka isi pembelajaran secara interaktif dan menyeronokkan sekaligus dapat menguasai pembelajaran tersebut.

Berdasarkan pada isu yang telah dibincangkan, menunjukkan adanya keperluan untuk mengkaji amalan pengajaran dan pembelajaran pranonumerasi di tadika. Amalan guru dalam perancangan, pelaksanaan dan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pranonumerasi yang berkesan dapat membantu kanak-kanak dalam perkembangan kognitif kerana pembelajaran pranonumerasi saling berkait dengan perkembangan kognitif di mana peningkatan dari sudut intelek seperti proses berfikir, penaakulan dan pemahaman yang menjurus kepada pembentukan ilmu pengetahuan dapat diwujudkan (California Department of Education, 2016). Dalam mendidik kanak-kanak secara holistik, menyeluruh dan berterusan, guru menggalas tanggungjawab tersebut. Walaupun pengajaran dan pembelajaran pranonumerasi dilakukan oleh semua guru, tetapi amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran guru adalah lain di antara satu sama lain. Oleh itu, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menjawab persoalan kajian, bagaimana amalan guru terhadap perancangan, pelaksanaan dan penaksiran semasa pengajaran dan pembelajaran pranonumerasi dijalankan di tadika swasta. Objektif kajian adalah mengenalpasti amalan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran pranonumerasi di tadika. Amalan pengajaran dan pembelajaran dikaji untuk melihat sejauh mana kesesuaian amalan dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan penaksiran dalam kalangan guru tadika swasta dari perspektif guru itu sendiri.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

Pendidikan pranonumerasi dilihat sebagai terdiri daripada beberapa amalan pranonumerasi yang dirundingkan oleh guru dan kanak-kanak dalam konteks sosial, politik dan budaya yang lebih luas (Valero, 2009). Matlamat utama pendidikan pranonumerasi ialah untuk memastikan kanak-kanak menguasai pemahaman konseptual, kefasihan prosedur, kecekapan strategik, penyesuaian penaakulan dan pelupusan produktif melalui penglibatan dalam proses menyambung, berkomunikasi, berfikir, berhujah, mewajarkan, mewakili, penyelesaian masalah dan membuat pernyataan yang luas. Semua ini diliputi dalam konsep yang bersifat menyeluruh daripada pranonumerasi. Hal ini melibatkan kanak-kanak dalam mentafsir dan menyatakan pengalaman harian mereka dalam bentuk numerasi dan menganalisis masalah dunia sebenar dengan cara numerasi melalui penglibatan dalam proses-proses utama (Ginsburg, 2009a).

Perancangan pengajaran perlu dilakukan oleh guru dengan baik untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar tanpa sebarang gangguan. Perancangan pengajaran merupakan suatu amalan yang harus dibuat oleh guru mengenai perkara yang hendak diajar dan bagaimana untuk mengajar sesuatu pengajaran itu supaya dapat difahami oleh individu atau kumpulan yang diajar (Esah Sulaiman, 2004). Rancangan pengajaran juga boleh dimaksudkan sebagai rangka kerja aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang akan dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah mengikut masa yang telah dirancang. Rancangan pengajaran ini boleh dirancang mengikut harian, bulanan atau tahunan. Menurut kajian oleh Yuen Ling Li (2007) di Hong Kong, perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran perlu dilakukan dengan memberi ketutamaan pada pembelajaran kanak-kanak dalam pedagogi mereka dan menunjukkan bahawa guru perlu mengamalkan refleksi kerjasama sebagai elemen pendidikan guru.

Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran boleh dianggap sebagai menyokong aktiviti kanak-kanak dalam pembelajaran pranonumerasi. Ini termasuk pengurusan bilik darjah, dengan mengambil kira sumbangan guru baik kepada perancangan dan pengajaran sebenar, isu kurikulum dan interaksi di dalam kelas. Swan (2007) mengatakan bahawa semasa merancang pengajaran dan pembelajaran, guru harus mengambil kira nilai dan tujuan pembelajaran pranonumerasi itu dijalankan. Kajian lepas menunjukkan bahawa dalam menghasilkan perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, guru perlu fokus pada persiapan pelan pengajaran, pelaksanaan pengajaran di dalam kelas mereka, membincangkan semula pengajaran mereka dengan guru yang lain atau pihak yang bertanggungjawab dan membuat penilaian diri mereka sendiri bagi mereka bentuk semula pengajaran mereka mengikut kesesuaian (Efi Papisistodemou et. al. 2014).

Seterusnya, satu pendekatan kajian kes dijalankan iaitu *Enhancing thinking skills in early childhood*, untuk mengkaji dua program kemahiran berfikir untuk sampel variasi maksimum kanak-kanak lima hingga enam tahun di empat buah sekolah, dalam dua kawasan iaitu England dan Wales menggunakan pelbagai kaedah (Carol Aubrey, Kathryn Ghent & Eleni Kanira, 2012). Pekerja yang ditemubual merasakan bahawa

program kemahiran berfikir meningkatkan kemahiran berfikir secara kritikal dan meningkatkan penggunaan bahasa yang lebih, mendengar dengan penuh perhatian, mewujudkan kerjasama sosial, berkeyakinan dan bebas dalam melakukan keputusan. Pekerja Welsh menunjukkan bahawa program ini mempunyai kesan kepada keseluruhan sekolah, mencerminkan dasar negara, latihan intensif, bimbingan dan pemantauan, dan membawa kepada pemindahan kepada pelajaran lain seperti matematik. Melalui pemerhatian menunjukkan bahawa penyampaian guru berubah-ubah dalam teknik penyediaan dan cabaran atau aktiviti, kerja kumpulan dan melalui suara kanak-kanak.

Tujuan penaksiran dilakukan adalah untuk mengesan sejauh mana perkembangan kanak-kanak dan apa yang perlu dilakukan jika terdapat kanak-kanak yang lewat perkembangan dan tindakan perlu diambil dengan kadar segera serta aktiviti apa yang sesuai dilaksanakan untuk mereka. Penaksiran ini melibatkan pemerhatian ke atas aktiviti dan rutin harian kanak-kanak yang melibatkan domain-domain perkembangan seperti motor halus, motor kasar, kognitif, sosioemosi, dan bahasa (Brassard dan Boehm, 2007). Penaksiran terbahagi kepada dua iaitu penaksiran formatif dan penaksiran sumatif. Penaksiran formatif boleh dilakukan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran atau setiap hujung bulan dengan menggunakan teknik sokratik, pemerhatian melalui gambar dan juga video. Manakala penaksiran sumatif pula dilaksanakan bukan hanya tertumpu kepada ujian bertulis di setiap penggal sahaja, namun merekod menggunakan senarai semak, rubrik dan skala kedudukan juga boleh dilakukan pada setiap 6 bulan atau pun selepas satu tema telah habis disentuh atau diajar kepada kanak-kanak. Namun begitu, pelaksanaan penaksiran sumatif terpulung kepada kesesuaian kurikulum kecuali apabila kanak-kanak mempunyai keperluan khas atau kepelbagaian tertentu yang memerlukan perhatian khusus.

Penilaian terhadap kanak-kanak perlu dijalankan dengan cara formatif seiring dengan sumatif dan guru perlu mempunyai kemahiran dalam melakukan pemerhatian kepada kanak-kanak supaya penilaian dapat dilakukan dengan telus. Menurut kajian Mohamad (1993) iaitu *Tugas dan Masalah Guru Dalam Mengendalikan Kurikulum Prasekolah*, di Tabika Perpaduan, beliau mendapati bahawa guru-guru mengetahui aspek-aspek penilaian perkembangan kanak-kanak tetapi mereka menghadapi kesukaran dan halangan dalam mengendalikannya akibat kekurangan kemahiran. Kajian di prasekolah awam seperti KEMAS dan Perpaduan juga dilakukan untuk melihat sejauh mana kepercayaan guru tentang penilaian dalam pendidikan prasekolah. Kajian ini menunjukkan guru prasekolah mempunyai kepercayaan yang tinggi tentang penilaian dalam aspek tujuan, teknik, penggunaan dan keperluan latihan dan perkembangan keperluan profesional (Zaharah Osman, 2008). Guru memerlukan cara yang cepat dan sah dalam menilai setiap kemahiran prapenilaian kanak-kanak supaya mereka boleh merancang kumpulan kecil dan arahan individu serta mengukur perkembangan kanak-kanak sepanjang pengajaran. Seterusnya, di dalam kajian yang dijalankan oleh Nordin (2000), beliau menyatakan bahawa masalah yang dihadapi sepanjang melaksanakan penilaian terhadap kanak-kanak adalah dalam merekod prestasi kanak-kanak seringkali hanya berpandukan kepada buku laporan kemajuan kanak-kanak sahaja dan guru-guru kurang pendedahan, latihan dan kursus mengenai penilaian dan penaksiran. Selain itu, disebabkan oleh beban tugas yang banyak, kekangan masa, bilangan kanak-kanak yang ramai serta campur tangan ibu bapa terhadap tujuan penilaian turut menghalang keberkesanan penilaian dan penaksiran berlaku.

Perancangan pengajaran dan pembelajaran perlu dilakukan untuk memenuhi masa yang diperuntukkan, menepati kehendak objektif dan matlamat yang ingin dicapai, memberi kesan sepanjang tahun kepada kanak-kanak dan dapat menarik perhatian kanak-kanak supaya tidak membosankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Selepas merancang, pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran akan berlaku berdasarkan apa yang telah dirancang guru yang selalunya akan dicatat di dalam buku rekod mengajar sama ada dilakukan mengikut tahunan, bulanan atau harian. Tujuan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran adalah untuk menghasilkan aliran pemikiran dan merangsang minat kanak-kanak agar dapat memberi perhatian kepada pengajaran yang akan berlaku. Selepas pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan, guru boleh melakukan penilaian atau penaksiran terhadap kanak-kanak berdasarkan pengajaran yang telah disampaikan sama ada ianya sesuai diamalkan atau perlu melakukan perubahan agar dapat disesuaikan dengan kanak-kanak. Namun begitu, menurut kajian daripada Senk, Beckman dan Thompson (1997), guru menganggap bahawa penilaian dan penaksiran adalah suatu proses yang tidak termasuk dalam proses pembelajaran dan pengajaran sedangkan proses pengajaran dan pembelajaran berkait rapat antara perancangan, pelaksanaan dan penaksiran.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan untuk mendapatkan data secara meluas dengan menggunakan soal selidik bagi menerangkan beberapa aspek berkaitan populasi kajian yang diwakili oleh sampel yang dipilih secara rawak (Chua, 2006). Lokasi kajian yang dikaji oleh pengkaji ialah di negeri Johor Darul Takzim. Tadika swasta di daerah Kluang adalah lokasi yang ingin dikenalpasti sebagai populasi kajian. Pemilihan ini berdasarkan daerah Kluang merupakan daerah yang sedang membangun dan banyak tadika-tadika swasta ditubuhkan untuk kanak-kanak 4-6 tahun. Dalam kajian ini, populasi kajian ialah guru-guru tadika swasta yang bertugas di 18 buah tadika swasta di Daerah Kluang. Seramai 73 orang responden telah terlibat yang dipilih secara rawak mudah bagi menjalankan kajian ini.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data yang tertumpu kepada amalan guru tadika swasta terhadap proses pengajaran dan pembelajaran pranumerasi. Soal selidik merupakan kaedah yang terbaik bagi mendapatkan pandangan dan persepsi tentang persoalan yang dikemukakan (Mohd. Najib, 1999). Soal selidik ini mempunyai empat (4) bahagian. Bahagian A merupakan data demografi guru yang disoal selidik. Manakala bahagian B adalah tentang amalan perancangan pengajaran dan pembelajaran pranumerasi guru yang terdiri daripada 8 item. Bahagian C adalah tentang amalan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pranumerasi guru dengan 14 item. Seterusnya Bahagian D merupakan amalan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pranumerasi guru dengan 10 item. Data yang dikumpulkan dari soal selidik akan dikodkan, diproses dan dianalisis menggunakan program “*Statistical Package For The Social Science*” (SPSS Versi 20.0). Dua jenis statistik akan digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi.

Kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Nilai kebolehpercayaan adalah  $\alpha = 0.702$ , nilai Cronbach Alpha 0.5 ke atas dianggap baik untuk instrumen yang mempunyai kurang daripada 10 item (Pallant 2001). Manakala, kesahan nilai kesahan adalah  $r = 0.681$  ( $p < 0.05$ ), menunjukkan bahawa setiap item sangat baik dan boleh digunakan. Menurut Noraini (2013), sekiranya kesahan hubungan kriteria tersebut tinggi ( $r = 0.50 - 1.0$ ), maka item tersebut boleh digunakan. Kebanyakan item kelihatan layak untuk dikekalkan dan akan menyebabkan penurunan dalam kebolehpercayaan jika dipadam. Namun, terdapat pengecualian terhadap item B3, B5, D27, D30 dan D35, yang akan meningkatkan kebolehpercayaan hingga  $\alpha = 0.702$ . Oleh itu, penyingkiran item-item tersebut harus dipertimbangkan. Item-item tersebut dibuang kerana tidak mencapai kebolehpercayaan yang telah ditetapkan oleh Hair, Black, Babin dan Anderson (2009).

### 4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### *Profil Responden*

Responden yang mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai guru tadika swasta selama 1-3 tahun adalah seramai 26 orang (35.6%), responden yang mempunyai tempoh pengalaman kurang dari 1 tahun pula seramai 23 orang (31.5%). Manakala seramai 10 orang responden (13.7%) mempunyai pengalaman kurang dari 6 bulan. Tambahan pula, pengalaman responden selama 3-5 tahun seramai 6 orang (8.2%), pengalaman lebih dari 10 tahun seramai 5 orang (6.8%) dan akhir sekali pengalaman selama 5-7 tahun seramai 3 orang (4.1%).

Jadual 1: Demografi Guru Berdasarkan Tempoh Pengalaman

Tempoh Pengalaman	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang 6 bulan	10	13.7
Kurang 1 tahun	23	31.5
1 hingga 3	26	35.6
3 hingga 5	6	8.2
5 hingga 7	3	4.1
Lebih 10 tahun	5	6.8

Merujuk kepada Jadual 2, jumlah kekerapan yang paling tinggi adalah tahap pendidikan ijazah dengan 33 orang (45.2%) diikuti dengan diploma iaitu 30 orang (41.1%) dan yang paling rendah ialah SPM iaitu 10 orang (13.7%).

Jadual 2: Demografi Guru Berdasarkan Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Kekerapan	Peratus (%)
SPM	10	13.7
Diploma	30	41.1
Ijazah	33	45.2

#### 4.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif dijalankan ke atas tahap amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di tadika dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan penaksiran.

Jadual 3: Tahap amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran pranumerasi di tadika dalam aspek Perancangan, Pelaksanaan dan Penaksiran

Bil	Aspek	Ya (Min)	Tidak (Min)	Tidak Pasti (Min)	Tahap
1	Perancangan	63.13	9.25	0.63	Tinggi
2	Pelaksanaan	64.93	7.36	0.71	Tinggi
3	Penaksiran	62.6	9.3	1.1	Tinggi

Hasil kajian menunjukkan tahap amalan guru dalam PdP di tadika dalam aspek perancangan adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai min 63.13. Menurut Maizatul Akmal (2008), perancangan pengajaran dan pembelajaran perlu mengambil kira tentang persiapan alat bantu mengajar, persediaan tempat, kesesuaian persekitaran, peruntukan masa dan kesediaan guru serta kanak-kanak. Ini bertentangan dengan kajian oleh Mok Soon Sang (2011) yang mendapati perancangan PdP yang baik tidak akan lari daripada aspek pengurusan bilik darjah dan organisasi. Guru bukan sahaja perlu merancang PdP, malah mereka juga perlu bijak merancang pengurusan bilik darjah untuk membentuk suasana pembelajaran.

Tahap amalan guru dalam PdP di tadika dalam aspek pelaksanaan juga pada tahap yang tinggi dengan nilai min 64.93. Pembelajaran yang berkesan akan berlaku apabila pengajaran dilaksanakan oleh guru yang mempunyai objektif yang ingin disampaikan dan dapat dicapai. Menurut Hattie (2009), pengajaran yang berkesan mestilah yang dapat mencapai tujuan pembelajaran, guru mempunyai kefahaman yang mendalam mengenai kefahaman kanak-kanak dalam tugas mereka dan juga menguasai kandungan pembelajaran untuk menyediakan proses PdP yang bermakna dan mencabar.

Seterusnya, tahap amalan guru dalam PdP di tadika dalam aspek penaksiran juga pada tahap yang tinggi dengan nilai min 62.6. Dalam mengenal pasti keperluan individu dan mengukur kemajuan kanak-kanak terhadap pranumerasi, guru perlu cekap dalam menilai kemahiran pranumerasi kanak-kanak (Purpura & Lonigan, 2015).

Demikian itu, amalan guru dalam PdP di tadika dalam ketiga-tiga aspek adalah berada pada tahap yang tinggi. Ini bermaksud, guru mengaplikasikan setiap amalan di dalam ketiga-tiga aspek perancangan, pelaksanaan dan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pranumerasi di tadika.

#### 4.2 Analisis Inferensi

Analisis inferensi telah digunakan untuk mengkaji perbezaan dalam amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pranumerasi di tadika berdasarkan faktor tempoh pengalaman mengajar dan tahap pendidikan. Justeru, pengkaji telah menggunakan ujian ANOVA dua hala untuk mengkaji perbezaan dalam amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pranumerasi dan interaksi antara tempoh pengalaman mengajar guru dengan tahap pendidikan guru.

Jadual 4: Ujian ANOVA Dua Hala Perbandingan Tahap Amalan Perancangan, Pelaksanaan dan Penaksiran Pengajaran dan Pembelajaran Pranumerasi Berdasarkan Faktor Tempoh Pengalaman Mengajar dan Tahap Pendidikan

Kesan Utama	Jumlah Kuasa Dua	dk	Min Kuasa Dua	Nilai F	Tahap Signifikan* (p)
Tempoh Pengalaman	.149	5	.030	1.849	.118
Tahap Pendidikan	.001	2	.001	.039	.962
Tempoh Pengalaman * Tahap Pendidikan	.300	8	.0388	2.322	.031
Ralat	.922	57	.016		
Jumlah	253.749	73			


**Catatan:** Keputusan Levene's Test mendapati bahawa  $p=0.037$  ( $p<0.05$ ), maka, pada jadual ANOVA kita perlu melaporkan nilai signifikan pada  $p<0.01$ .

Berdasarkan Jadual 4, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pranumerasi di tadika berdasarkan tempoh pengalaman mengajar guru ( $F(5, 57) = 1.849$ ,  $p = 0.118$ ). Ini bermakna, tahap amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran guru di dalam pengajaran dan pembelajaran pranumerasi di tadika antara tempoh pengalaman mengajar adalah sama. Dari sudut pengalaman mengajar guru menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan terhadap amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran guru dalam PdP pranumerasi di tadika. Ini juga menggambarkan amalan guru dalam PdP adalah sama walaupun mempunyai pengalaman mengajar yang berbeza-beza. Dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Tengku Zawawi Tengku Zainal, Ramli Mustapha dan Abdul Razak Habib (2009) yang mendapati bahawa kebanyakan guru pranumerasi baru dan berpengalaman mempunyai pengetahuan yang agak terhad.

Seterusnya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pranumerasi di tadika berdasarkan tahap pendidikan ( $F(2, 57) = 0.039$ ,  $p = 0.962$ ). Ini bermakna, tahap amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran guru di dalam pengajaran dan pembelajaran pranumerasi di tadika antara tahap pendidikan adalah sama. Dari sudut tahap pendidikan guru menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan terhadap amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran guru dalam PdP pranumerasi di tadika. Ini juga menggambarkan amalan guru dalam PdP adalah sama walaupun mempunyai tahap pendidikan yang berbeza-beza. Berdasarkan kajian oleh Norly Jamil (2013) menyatakan setiap guru prasekolah khususnya sememangnya telah diberi pendedahan tentang pranumerasi. Oleh itu, setiap guru prasekolah berkebolehan dan mempunyai kepercayaan tentang pranumerasi kanak-kanak yang perlu dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.

Berdasarkan Jadual 4 juga menunjukkan bahawa terdapat interaksi yang signifikan antara tempoh pengalaman mengajar guru dengan tahap pendidikan guru ke atas amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pranumerasi di tadika ( $F(8, 57) = 2.322$ ,  $p = 0.031$ ). Rajah 1 menunjukkan graf kesan interaksi antara tempoh pengalaman mengajar guru dengan tahap pendidikan guru ke atas amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pranumerasi di tadika.

Rajah 1: Graf kesan interaksi antara tempoh pengalaman mengajar guru dengan tahap pendidikan guru ke atas amalan perancangan, pelaksanaan dan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pramerit di tadika



## 5.0 KESIMPULAN

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan dan terhad kepada skop Daerah Kluang, Johor sahaja. Namun dapatan yang diperolehi dapat memberi gambaran dan saranan yang boleh digunakan sebagai panduan kepada guru-guru tadika swasta tentang amalan guru dalam perancangan, pelaksanaan dan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pramerit di tadika. Diharapkan juga daripada hasil kajian ini dapat menjelaskan tentang isu pendidikan pramerit yang terdapat di tadika swasta. Walaupun kajian ini hanya dilakukan kepada guru-guru dari tadika swasta di Daerah Kluang, Johor, tetapi ia mungkin menggambarkan senario yang sama di tadika swasta yang lain di seluruh Malaysia.

Oleh itu, diharapkan agar kajian ini dapat menjadi panduan dan rujukan kepada pihak-pihak yang terlibat seperti pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menangani masalah yang timbul di pihak guru terutamanya dalam mata pelajaran pramerit semasa merancang, melaksanakan dan menaksir pengajaran dan pembelajaran di tadika. Mengaplikasikan amalan yang sewajarnya dalam perancangan, pelaksanaan dan penaksiran pengajaran dan pembelajaran pramerit dapat ditingkatkan dengan adanya sokongan dan kerjasama khususnya daripada pihak pentadbiran tadika dan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Akhir sekali, diharapkan kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada peningkatan kualiti pendidikan negara serta misi dan visi falsafah pendidikan nasional dapat dicapai.

## 6.0 RUJUKAN

- Abdul Razak & Nor Asmah (2010). Pendekatan Pengajaran yang Digunakan Oleh Guru Sekolah Menengah di Daerah Johor Bahru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik. [http://eprints.utm.my/11474/1/Pendekatan\\_Pengajaran\\_Yang\\_Digunakan\\_Oleh\\_Guru\\_Sekolah\\_Menengah\\_Di\\_Daerah\\_Johor\\_Bahru\\_Dalam\\_Pengajaran\\_Dan\\_Pembelajaran\\_Matematik.pdf](http://eprints.utm.my/11474/1/Pendekatan_Pengajaran_Yang_Digunakan_Oleh_Guru_Sekolah_Menengah_Di_Daerah_Johor_Bahru_Dalam_Pengajaran_Dan_Pembelajaran_Matematik.pdf)
- Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad (2012). Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Akyuz, D., Dixon, J. K., & Stephan, M. (2013). Teacher Development: An international journal of teachers, professional development Improving the quality of mathematics teaching with effective planning practices, 17(1), 92-106.
- Alkharusi, H., Aldhafri, S., Alnabhani, H., & Alkalbani, M. (2012). Educational Assessment Attitudes Competence, Knowledge, and Practice: An Exploratory Study of Muscat Teachers in the Sultanate of Oman. *Journal of Education and Learning*, 1(2).
- Brassard, M. R., & Boehm, A. E. (2007). *Preschool Assessment*. New York: The Guildford Press.



- California department of education (2016). Cognitive Development Domain. California Infant/Toddler Learning & Development Foundations. <http://www.cde.ca.gov./sp/cd/re/itf09cogdev.asp>. [25/12/2016]
- Carol Aubrey, Kathryn Ghent & Eleni Karina (2012). Enhancing Thinking Skills in Early Childhood. *International Journal of Early Years Education*. Vol. 20. No. 4: 332-348.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan: Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).
- Copley, J. V. (2010). *The young child and mathematics*. Washington, DC: National Association for the Education of Young Children.
- Efi Paparistodemou, Despina Potari, & Demetra Pitta-Pantazi (2014). Prospective teachers' attention on geometrical tasks. *Educ Stud Math*, 86: 1-18.
- Ginsburg, H. (2009a). Early mathematical education and how to do it. Dlm O. Barbarin and B. Wasik (Eds.), *Handbook of child development and early education: Research to practice*, pp. 403-428. New York, NY: The Guildford Press.
- Hair, Jr. J. F., Black, W. C., Babin, B. J. & Anderson, R. E. (2009). *Multivariate Data Analysis with Readings*. (7<sup>th</sup> ed.). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). 607-610 (30). Educational and Psychological Measurement. Determining Sample Size for Research Activities.
- Li, Y. L. (2007). Teachers Talking about Effective Practice: Understanding the Knowledge and Practice of Teachers. *Journal of Early Childhood Teacher Education*, 28:301-310.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraini Idris (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Edisi ke-2. Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Nurul Amirah Mohd Razali & Dr Zaidatun Tasir (2008). *Rekabentuk Sistem Pembelajaran Konsep Nombor Berasaskan Pendekatan Permainan yang Menerapkan Teori Perkembangan Kognitif Kanak-Kanak*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (2011). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*. 3<sup>rd</sup> ed. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Pallant, J. (2001). *SPSS survival guide*. Australia: Allen & Unwin.
- Purpura, D. J., & Lonigan, C. J. (2015). Early Numeracy Assessment: The Development of the Preschool Early Numeracy Scales. *Early Education and Development*, 26: 286-313.
- Selmi, A. M., Gallagher, R. J. & Mora-Flores, E. R. (2015). *Early childhood curriculum for all learners*. New York, NY: Sage Publication.
- Swan, M. (2007). The impact of task-based professional development on teachers' practices and beliefs: A design research study. *Journal of Mathematics Teacher Education*, 10(4-6), 217-237.
- Tengku Zawawi Tengku Zainal, Ramli Mustapha & Abdul Razak Habib (2009). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Matematik Bagi Tajuk Pecahan: Kajian Kes di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34 (1): 131-153.
- Valero, P. (2009). What was power got to do with mathematics education? Dlm P. Ernest, B. Greer, & B. Sriraman (Eds.), *Critical issues in mathematics education*, pp. 237-254. Charlotte, NC: Information Age.
- Zaharah binti Osman (2008). *Kepercayaan Guru Prasekolah Terhadap Penilaian Dalam Pendidikan Prasekolah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zakiah Mohamad Ashar, Azlina Mohd. Kosnin, & Yeo Kee Jiar (2013). *Keberkesanan Modul Belajar Melalui Bermain Terhadap Kefahaman Pranombor Kanak-Kanak Prasekolah*. 2<sup>nd</sup> International Seminar on Quality and Affordable Education.
- Zamri Mahmud (2012). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: UPSI.